

19 NOV 1997

Parlimen-Usul (Sokong)

MAHATHIR SEORANG LIBERAL, BUKAN PELAMPAU PERKAUMAN, KATA LING

KUALA LUMPUR, 19 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah seorang pemimpin yang liberal dan tidak suka membangkitkan isu perkauman, persidangan Dewan Rakyat diberitahu hari ini.

Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata, adalah tidak wajar sama sekali beliau dianggap sebagai pelampau perkauman dan kejayaan beliau selama ini menyatupadukan rakyat berbilang bangsa, agama dan kebudayaan di negara ini adalah bukti yang sangat nyata.

"Dr Mahathir sendiri telah membenarkan negara Israel mengambil bahagian dalam pertandingan kriket antarabangsa di negara ini walaupun terdapat bantahan dari pelbagai pihak. Selain itu beliau juga menjemput pelajar-pelajar dan pemuda-pemudi dari Israel melawat Malaysia," katanya ketika berucap menyokong usul sokongan terhadap Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri.

Dr Ling, yang juga Menteri Pengangkutan berkata, tujuan kerajaan memberi kebenaran itu ialah bagi membolehkan mereka melihat sendiri bagaimana sebuah negara yang mempunyai penduduk Islam sebagai majoriti boleh hidup aman damai, bersikap toleransi, tolong-menolong dan rela berkongsi dengan kaum-kaum lain, yang telah membawa keamanan, kemakmuran dan keharmonian semua kaum.

"Jika negara Israel yang mempunyai majoriti kaum Yahudi boleh mengamalkan sikap toleransi, tolong-menolong dan rela berkongsi, negaranya sudah tentu jua akan menikmati keamanan, kemakmuran dan keharmonian.

"Adakah tujuan murni untuk membawa keamanan, kemakmuran dan keharmonian kepada Israel itu dianggap sebagai anti-Semitik dan anti-Yahudi?"

"Dr Mahathir, sebagai Menteri Dalam Negeri, telah mengamalkan dasar terbuka dengan membenarkan rakyat Malaysia melawat Israel. Susulan dari itu, ramai rakyat Malaysia telah melawat Israel atau urusan perniagaan atau sebagai pelancong.

"Apa yang menyedihkan ialah 34 anggota kongres Amerika Syarikat menyuarakan rasa tidak puas hati ke atas Dr Mahathir dan menyifatkan beliau sebagai anti-Yahudi. Sebaliknya, kerajaan Israel sendiri telah menunjukkan hasrat meningkatkan kerjasama dua hala dalam bidang ekonomi dengan Malaysia," katanya.

Menteri itu percaya kerajaan Israel tidak akan mengadakan sebarang hubungan dengan Malaysia jika mereka menganggap pemimpinnya anti-semitik dan anti-Yahudi.

"Sepanjang penglibatan beliau dalam arena politik, pendirian beliau dalam pelbagai isu adalah jelas dan tegas. Kita semua tahu bahawa anti-Semitik dan anti-Yahudi bukanlah pendirian beliau.

"Oleh itu, isu mendesak beliau meminta maaf secara terbuka tidak timbul sama-sekali. Usul ahli-ahli Kongres Amerika Syarikat adalah keterlaluan kerana mereka cuba campur tangan dalam hal ehwal politik negara," katanya.

Dr Ling berkata, keazaman rakyat Malaysia menyokong Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri kini semakin padu dan semakin kuat.

Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu ketika berbahas menyokong usul itu berkata, tindakan dan sikap anggota kongres Amerika Syarikat itu menyimpang sama sekali daripada prinsip-prinsip demokrasi dan perhubungan antarabangsa.

"Mereka yang melaung-laungkan konsep demokrasi serta kebebasan bersuara harus memahami bahawa kenyataan yang dibuat oleh Perdana Menteri kita bukanlah anti-Yahudi atau anti mana-mana kaum.

"Mereka sengaja memutar-belitkan apa yang diperkatakan oleh Perdana Menteri kita demi kepentingan dan muslihat mereka untuk membalas dendam terhadap seorang pemimpin popular dari negara ini," katanya.

Samy Vellu, yang juga Menteri Kerja Raya berkata, motif di sebalik draf resolusi Kongres Amerika Syarikat itu menunjukkan secara tidak langsung seolah-olahnya para anggota Kongres itu berhak mengambil apa sahaja tindakan terhadap orang lain pada bila-bila masa mereka suka.

"Kami membantah sekeras-kerasnya resolusi yang (akan) dibawa oleh ahli Kongres Amerika Syarikat kerana ia merupakan satu tindakan campur tangan secara terang-terangan dalam hal ehwal sesebuah negara lain yang berdaulat.

"Inilah masanya bagi setiap rakyat Malaysia menyokong penuh kepimpinan Perdana Menteri ketika negara menghadapi ancaman terhadap kedaulatan dan kesejahteraannya dari luar," katanya.

Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata draf usul yang dikemukakan 34 anggota Kongres Amerika Syarikat (AS) itu dibuat oleh golongan pelampau kaum negara tersebut.

Bahasa yang diguna dalam usul berkenaan adalah keterlaluan dan hanya boleh digunakan oleh golongan pelampau kaum, yang beliau istilahkan sebagai "the Archie Bunkers of America", katanya.

"Mereka juga menganggap kesemua pemimpin Islam Dunia Ketiga adalah sama tanpa menghiraukan keadaan sebenar di Malaysia serta penjelasan yang telah diberi oleh Perdana Menteri," kata Dr Lim.

Dr Lim berkata draf usul itu patut dihalang daripada dibawa ke peringkat Jawatankuasa Perhubungan Antarabangsa ataupun Kongres.

Bagaimanapun, katanya, Malaysia harus berbincang dengan anggota kongres terbabit untuk mengubah sikap mereka.

Beliau, yang juga Menteri Perusahaan Utama berkata, sikap AS yang menggunakan Akta Sekatan Iran-Libya ke atas Petronas yang melabur dalam industri gas di Iran serta Akta Sekatan Cuba ke atas mana-mana negara yang melabur di negara itu adalah tidak wajar.

Tindakan itu, katanya, adalah satu pencabulan ke atas kedaulatan sesebuah negara.

Presiden Parti Liberal Demokratik Sabah Datuk Chong Kah Kiat berkata dakwaan 34 anggota kongres AS bahawa Dr Mahathir anti-Yahudi adalah tidak berasas dan membuktikan mereka tidak mengetahui keadaan sebenar di negara ini.

"Pernah suatu ketika walaupun mendapat tentangan hebat daripada pihak-pihak tertentu, Perdana Menteri tetap mempertahankan tindakannya membenarkan pasukan kriket Israel bermain dalam satu pertandingan di negara ini.

"Ini membuktikan tuduhan 34 anggota kongres AS itu tidak benar dan patut diketepikan," katanya semasa berucap menyokong usul itu.

"Sepatutnya pentadbiran Amerika berusaha meningkatkan hubungan baik dengan negara ini dan bukan cuba merosakkan hubungan sedia ada," katanya lagi.

Katanya tindakan AS yang cuba mengenakan undang-undang negara itu ke atas negara yang melabur di Iran dan Cuba adalah bertentangan dengan Peraturan Perdagangan Sedunia (WTO).

Timbalan Yang Dipertua Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) Sarawak Datuk Abang Abu Bakar Mustapha berkata kecaman yang dibuat oleh Perdana Menteri tidak bermotif perkauman atau anti-Yahudi.

"Kerajaan pimpinan Dr.Mahathir jelas menunjukkan sikap toleransi terhadap orang Yahudi seperti tindakan untuk membatalkan pengharaman tayangan filem "Schindler's List" di pawagam tempatan dan membenarkan pasukan kriket Israel bertanding di Kejohanan Kriket Belia Dunia di Kuala Lumpur," katanya.

Abu Bakar, yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri, berkata

tindakan 34 anggota Kongres Amerika Syarikat itu jelas menunjukkan keangkuhan negara itu untuk mencengkam negara kecil dan mencabuli kedaulatan sebuah negara merdeka.

Rakyat Malaysia terhutang budi kepada Perdana Menteri yang berjaya membawa negara ini daripada terlalu bergantung kepada sektor pertanian dan perlombongan menuju ke era teknologi maklumat dan era teknologi tinggi.

Justeru, katanya, dalam keadaan sekarang adalah menjadi tanggungjawab rakyat untuk bersatu dan menyokong beliau sebagai menghargai jasanya.

Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS) Datuk Joseph Pairin Kitingan berkata kepimpinan yang sedia ada perlu dipertahankan dalam erti kata yang sebenar kerana ia terbukti berjaya membawa kemakmuran kepada negara ini.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Ahmad Zahaid Hamidi (BN-Bagan Datoh) dalam perbahasannya menganggap tindakan 34 anggota kongres Amerika Syarikat itu membayangkan sikap angkuh mereka.

Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman (BN-Paya Besar) dalam perbahasannya berkata Dr Mahathir telah berjaya menjadikan Malaysia negara moden dan kepimpinannya sebagai jurucakap negara sedang membangun diakui dunia, katanya.

Ketika ditemui di ruang legar bangunan Parlimen, Mohamed Sabu (PAS-Kubang Kerian) berkata PAS mengambil pendirian berkecuali terhadap usul ini kerana ia bersifat terlalu apologetik dan akhirnya boleh menuju kepada sikap berlembut dengan Yahudi sedangkan Israel adalah sebuah negara penganas.

PAS tidak dapat menyokong usul ini kerana parti itu memang menentang Yahudi dan Zionis, katanya.

Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Taib Mahmud berkata, draf resolusi kongres Amerika Syarikat dibuat seolah-olah siapa sahaja boleh menyuruh ketua kerajaan negara ini turun atau minta maaf dengan sebarangan.

"Sebab itu kita terpaksa bercakap dengan terus-terang untuk menyatakan hak kita. Kitapun sebuah negara yang berdaulat dan kita patut diberi layanan yang demikian," katanya. -- BERNAMA

TEAM NMO